

SOALAN NO.: 63

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
KAWASAN : HULU LANGAT**

SOALAN:

YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembesaran Jalan Dusun Tua, Hulu Langat dari persimpangan Lampu Isyarat Batu 9 ke Sungai Serai, Hulu Langat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 3210 (FT3210) daripada Persimpangan Batu 9 Cheras ke Persimpangan Jalan Dato' Alias, Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor telah diluluskan di *Rolling Plan 2, RMKe-11 (RP2, RMKe-11)*.

Skop projek ini sebahagiannya adalah:

- (i) Menaik taraf jalan sedia ada (FT3210) kepada jalan berkembar 4 lorong sepanjang 1km dari Persimpangan Jalan Dato' Alias sehingga Persimpangan Batu 9 piawai R5 termasuk jalan susur ke arah Kajang;
- (ii) Membina/menaik taraf jambatan sedia ada; dan
- (iii) Pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan

Projek ini kini dalam proses perolehan dan akan mula pembinaan apabila semua urusan ini selesai

Sekian, terima kasih.